

UPM ungguli Ragbi 7's

Serdang: Pasukan Universiti Putra Malaysia (UPM) mengungguli Kejohanan Ragbi 7's Jemputan Majlis Sukan Universiti Malaysia (MASUM) 2015 apabila dua pasukannya muncul sebagai johan dan naib johan, di sini, baru-baru ini,

Pasukan UPM A yang lebih dikenali sebagai UPM Angels muncul juara sekali gus membawa pulang piala iringan, wang tunai RM1,500 dan pingat manakala pasukan UPM

B pula menerima piala iringan serta wang tunai RM1,000 sebagai naib johan.

Tempat ketiga dimenangi pasukan Universiti Teknologi MARA A manakala keempat, Universiti Teknologi Malaysia (UTM).

Hadiah disampaikan Ketua Penolong Setiausaha Seksyen Penyelaras Bahagian Sukan Kementerian Pendidikan, Tony Azman Hassan.

Kejohanan tahunan itu disertai 32 pasukan yang mewakili univer-



Antara aksi menarik perlawanan akhir **pasukan UPM A menentang UPM B.**



Dua pasukan dari UPM mengungguli Kejohanan Ragbi 7's Jemputan MASUM 2015.

siti awam, institusi pengajian tinggi swasta, politeknik dan kolej komuniti seluruh negara.

Fokus persediaan

Ketua pasukan UPM A, Zulkiflee Azmi, berkata, pasukannya bersyukur kerana mereka berjaya mengelakkan gelaran juara yang disandang dalam kejohanan sama tahun lalu di UTM.

"Perancangan seterusnya, kami akan fokus melakukan persediaan menghadapi Kejohanan MASUM 15's yang akan berlangsung Julai ini.

"Latihan dari segi kecerdasan dan pertahanan akan ditingkatkan dalam usaha meraih lebih banyak kejuaraan pada masa akan datang," katanya.

Pasukan UPM A dilatih oleh Khairizal Ali Amat dan Shah Iran

Sahar manakala pemain terdiri daripada Nazuridin Abd Latiff, Mohamad Syarif Saiful Azwan, Wan Izzuddin, Mohamad Aliff Al-Hafiz, Nik Mohd Shahiddan Mohd Zain, Ahmad Syukor Iqbal Ab Raman, Muhammad Nazreen Fitri Nasrudin, Muhammad Shafiq Mohd Zaiki, Muhammad Ameer Nasrun Zulkefli, Mohd Nur Ikqwan Nordin dan Aliff Sazrie Azmi.